



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Petaling Jaya, Jun 10 2024

### **Anugerah KPM-MSSM-MILO® yang ke-55 Terus Mengiktiraf Kecemerlangan Sukan Remaja**

*MILO® meneruskan usaha memupuk bakat sukan masa depan*

**PETALING JAYA, 10 JUN 2024** – Demi meraikan semangat “tidak putus asa” dan kecemerlangan atlet muda, MILO® meneruskan kerjasamanya dengan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) untuk mengiktiraf sekumpulan ahli sukan berbakat di Anugerah Sukan KPM-MSSM-MILO® 2023. Anugerah ini telah memberi pengiktirafan dan meniup semangat kepada bintang-bintang sukan berbakat besar selama 55 tahun.

Anugerah ini merupakan sumbangan MILO® untuk salah satu acara sukan sekolah terbesar di Malaysia. Ianya bukan sahaja memberi manfaat dari segi fizikal tetapi juga memupuk nilai-nilai penting dan mendorong impian atlet pelajar di peringkat akar umbi untuk mencapai tahap yang lebih tinggi. Malah, mereka juga berpotensi mewakili Malaysia dalam acara antarabangsa berprestij. Antara pemenang anugerah MOE-MSSM-MILO® yang terdahulu, termasuk bekas pemain skuasy negara Datuk Nicol David dan pelari pecut negara Muhammad Azeem Mohd Fahmi. Mereka merupakan beberapa contoh atlet pelajar yang telah memanfaatkan anugerah ini dalam perjalanan sukan mereka.

Anugerah ini mengiktiraf para pemenang daripada 8 kategori yang dipilih dalam kalangan beribu-ribu bakat muda yang bersaing untuk menjulang anugerah utama. Anugerah 2023 telah dimenangi oleh Muhammad Hafizin Bin Mansor dan Nur Afrina Batrisyia Binti Mohamad Rizal, yang masing-masing menerima Anugerah Putera Sukan dan Anugerah

Puteri Sukan. Di samping itu, Anugerah Sukan KPM-MSSM-MILO® turut memberi penghormatan kepada 4 jurulatih profesional, pelatih dan guru yang memainkan peranan penting mencungkil dan membangunkan bakat muda.

Lim Ker Win, Pengurus Pemasaran Sukan MILO®, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Anugerah MSSM adalah salah satu daripada misi penting MILO® untuk menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan anak muda yang akan memperkasakan mereka untuk mengejar kecemerlangan. Kami berbangga untuk melihat dedikasi, ketabahan dan pencapaian luar biasa anak-anak muda Malaysia, yang merintis jalan bagi membina masa depan yang lebih cerah menerusi usaha mereka yang penuh inspirasi. Pengiktirafan ini hanyalah permulaan, dan kami teruja untuk melihat bagaimana mereka akan terus berkembang sebagai individu dan juga atlet di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam pada itu, kami juga menyanjung tinggi kesungguhan dan sokongan luar biasa daripada ibu bapa, jurulatih dan guru."

"Melibatkan diri dalam sukan merupakan keputusan terbaik yang saya buat dalam hidup saya," kata Muhammad Hafizin Bin Mansor, pemenang Anugerah Putera yang berumur 18 tahun. "Sukan membantu saya mengekalkan kecergasan, tumpuan dan kesungguhan. Saya terhutang budi kepada KPM, MSSM dan MILO® atas anugerah ini, dan saya bertekad untuk menggunakan kemenangan ini untuk memberi inspirasi kepada atlet lain agar cemerlang dalam bidang sukan seperti saya. Saya yakin kemenangan ini menjadi batu loncatan dalam perjalanan saya ke arah pencapaian yang lebih besar. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah membantu saya dalam perjalanan saya menuju ke mercu jaya ini, terutamanya para jurulatih dan keluarga saya."

Pemenang Anugerah Puteri, Nur Afrina Batrisyia Binti Mohamad Rizal, yang berusia 19 tahun begitu teruja dengan kejayaan ini. Beliau berkata, "Saya rasa bersyukur dengan pengiktirafan Anugerah Sukan KPM-MSSM-MILO® 2023. Pencapaian ini bukan sahaja satu ganjaran besar bagi saya tetapi juga menjadi dorongan kepada saya untuk terus mengejar impian. Saya terhutang budi kepada beberapa individu yang telah memberikan sokongan kukuh dalam hidup saya – termasuk ibu bapa, jurulatih dan guru, yang terus

meletakkan kepercayaan terhadap saya. Saya mengucapkan terima kasih kepada MILO® kerana memberikan pengiktirafan luar biasa bagi atlet muda seperti kami. Bagi mereka yang ingin cemerlang dalam bidang sukan, satu perkara yang telah saya pelajari ialah meyakini proses yang perlu dilalui walaupun dalam detik paling sukar.”

MILO® telah menjadi penaja dan rakan kongsi utama kepada MSSM selama lebih daripada 70 tahun. Acara tahunan ini telah menyaksikan ribuan pelajar bersaing merentasi pelbagai sukan. Sebagai jenama yang mendukung kepercayaan bahawa sukan berupaya menyemai nilai-nilai murni dalam hidup, MILO® terus memacu pelbagai inisiatif berkaitan sukan yang bertujuan menjadikan sukan sebagai salah satu daripada keperluan hidup. Anugerah Sukan KPM-MSSM- MILO® adalah salah satu daripada pelbagai inisiatif MILO® yang memberi tumpuan menekankan kepentingan sukan dan memperkasakan anak muda yang berbakat untuk mencapai potensi penuh mereka.

Untuk maklumat lanjut mengenai MILO® dan inisiatif yang dilaksanakannya, sila layari [www.milo.com.my](http://www.milo.com.my)

###

### **Mengenai MILO®**

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unit 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi,

sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Nestlé, sila layari <https://www.nestle.com.my/ask-nestle/kami-nestle>

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456  
+6012 235 6865

E-mail: [shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com)

**Deepa Mukundan or Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348  
+6010 426 5857 (Deepa) or  
+6017 237 9048 (Yasmin Kadir)

E-mail: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)